

Pengukuran tahap keselamatan pilihan raya berdasarkan kepatuhan terhadap kitaran proses terbabit. *United States Agency for International Development* (USAID) menetapkan tiga asas utama untuk meneliti tahap keselamatan sesuatu proses pilihan raya, iaitu fizikal, peribadi dan maklumat.

Kejayaan sesuatu pilihan raya tidak hanya tertakluk kelancaran proses pelaksanaannya, bahkan dipengaruhi pelbagai faktor seperti risiko kawalan keselamatan, politik, ekonomi, sosial, institusi negara serta proses spesifik.

Pandemik COVID-19 bukan sahaja mengancam aspek kesihatan warga dunia dan menjejaskan perkembangan sektor ekonomi, bahkan terhadap proses pilihan raya di seluruh dunia, termasuk Malaysia.

Perasaan takut dijangkiti COVID-19 mungkin akan menyebabkan fenomena '*selective participation*' khasnya dalam kalangan pengundi mempunyai risiko kesihatan kritikal seperti warga emas dan mereka mudah terdedah kepada penyakit berjangkit hingga tidak turun mengundi.

Fenomena ini sekiranya berlaku, akan menyebabkan tahap legitimasi calon dipilih

guhkan pemilihan nasional dan referendum.

Kedua, sekurang-kurangnya 137 negara dan wilayah memutuskan untuk mengadakan pilihan raya nasional atau sub nasional, walaupun ada kebimbangan berkaitan COVID-19 dengan sekurang-kurangnya 115 negara mengadakan pilihan raya nasional atau referendum.

Ketiga, sekurang-kurangnya 29 negara mengadakan pemilihan nasional atau referendum.

Sementara itu, ada beberapa perkembangan menarik mengenai penganjaran pilihan raya dalam era pandemik khasnya dari segi 'jumlah keluar mengundi'.

Laporan IDEA itu turut memuatkan maklumat mengenai senario ini berdasarkan data diperoleh daripada 84 negara setakat 18 Jun lalu yang membandingkan 'jumlah keluar mengundi' antara 2020 hingga 2021 dengan purata dalam pilihan raya antara 2008 hingga 2019.

Jumlah 'jumlah keluar mengundi' meningkat sebanyak 37 peratus di 31 negara dan menurun 63 peratus (53 negara). Selain itu, 'jumlah keluar mengundi' di tiga negara ASEAN, iaitu Singapura, meningkat 85 peratus kepada 90 peratus, manakala Laos menurun (97 kepada 95 peratus)



keluar mengundi atas sebab wajar.

Konsep SVA ini membolehkan pengundi untuk menunaikan hak untuk mengundi menerusi mekanisme alternatif yang mereka boleh membuang undi bagi diri sendiri pada hari pengundian di tempat mengundi tertentu ditetapkan SPR.

Pelaksanaan mekanisme ini mampu mencapai dua matlamat penting berkaitan isu keselamatan pilihan raya, iaitu menjamin hak mengundi selaras prinsip demokrasi dan mengurangkan risiko kesihatan daripada dijangkiti virus COVID-19.

Antara contoh SVA, undi secara pos, pengundian awal, pengundian menerusi peti undi bergerak dan mengundi secara proksi atau diwakili seseorang untuk mengundi).

Data IDEA menunjukkan 204 negara menggunakan pakai mekanisme SVA ini. Daripada jumlah ini, 35 peratus negara menggunakan kaedah pengundian awal, pengundian menerusi peti undi bergerak (31 peratus) dan undi pos (17 peratus), manakala 16 negara lain menggunakan kaedah undi secara proksi.

Pun begitu, pelaksanaan SVA mesti disesuaikan keadaan pilihan raya di negara ini. Sekiranya pendekatan pertama tidak sesuai atas sebab tertentu, pelaksanaan 'darurat' di Melaka ialah pilihan kedua dan terakhir hingga tiba masa sesuai untuk PRN.

Dalam usaha memenuhi tuntutan demokrasi, banyak faktor mesti dipertimbangkan terlebih dahulu. Sememangnya kemelut politik sebaiknya diselesaikan dengan cara mengembalikan mandat politik kepada rakyat semula melalui pilihan raya.

Bagaimanapun, keputusan mengadakan pilihan raya atas nama demokrasi ketika negara masih dilanda ancaman pandemik COVID-19 adalah sesuatu sangat tidak wajar.

Justeru, satu strategi tertentu mesti diadakan kerajaan dan SPR sekiranya ingin mengadakan PRN di Melaka dalam tempoh 60 hari seperti terkandung dalam peraturan pilihan raya.

Apa yang pasti, PRN Melaka sekiranya diadakan, akan menjadi 'makmal penyelidikan' terbaik bagi kerajaan dan SPR khasnya dalam persediaan untuk menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) akan datang.